



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Bersukan tidak jejas amalan baik

Berita Harian, 16 September 2000, Page 12

Article also available on Microfilm Reel NL22002

Printer-Friendly Page

Bersukan tidak jejas amalan baik

MENDERMA darah tidak sekali-kali mengurangkan tenaga yang amat mereka perlukan untuk berjaya dalam sukan yang dicemburi.

Meskipun sibuk dengan sukan menembaknya, Encik Lee Wung Yew, 34 tahun, sering menjadikan amalan menderma darah sebagai kegiatan tetap tahunannya.

Jaguh silat dan jurulatih silat nasional, Sheik Alaudin Yacoob Marican, 33 tahun, pula bertekad menderma secara tetap setelah meraih semacam inspirasi setelah menderma darah baru-baru ini.

Ketika ditemui, Encik Lee, pemenang dua pingat emas dalam Sukan SEA, berkata: "Saya mula menderma darah sejak usia belasan tahun. Sewaktu itu, nenek saya memerlukan darah setelah menjalani pembedahan kaki. Jadi, kami pun dulu ingat, dah ambil darah orang, anggota keluarga perlu kembalikan bekalan darah dalam Bank Darah.

"Namun, pengalaman itu membuat saya sedar bahawa menderma darah itu adalah kerja murni. Saya tak lagi menderma kerana darurat tetapi melakukannya secara tetap, sekali setiap tahun."

Menurutnya, ramai rakan-rakannya yang tidak tahu tentang proses menderma darah. Mereka menyangka ia akan melemahkan tenaga.

seorang.

"Tengoklah diri saya. Rasanya, sama sahaja. Derma darah tidak mengurangkan tenaga dan tidak mengemukakan badan saya, seperti yang orang sangka," ujarnya.

Sheik, yang pernah menjadi juara silat dunia dan meraih Anugerah Jurulatih Terbaik 1999, pula berkata ramai yang takut hendak menderma darah kerana melihat jarum yang tajam.

"Saya masih ingat ketika tempat bertugas lama saya mengadakan latihan menderma darah. Yang perempuan menangis, yang lelaki mengeletar dan ada juga yang pengsan kerana tengok darah dalam kampil.

"Saya ingin menjelaskan bahawa menderma darah tidaklah sakit. Lebih penting, darah anda dapat menyelamatkan nyawa orang lain, dan memberi sinaran kepada hidup mereka," katanya.